

RM1.68 juta indahkan perkampungan Felda – TPM

Oleh ROZAMAN ISMAIL

UM: 7/7/2007

Kita tak mahu lagi lihat kedai-kedai ala kedai koboi. Kita mesti bina kemudahan lebih selesa dan ceria

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

PUTRAJAYA 6 Julai – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Felda memperuntukkan sejumlah RM1.68 juta sebulan bagi program mengindah dan mencantikkan perkampungan tanah rancangan itu di seluruh negara.

Menurut beliau, peruntukan tersebut akan diagih-agihkan kepada 317 tanah rancangan Felda bagi kerja-kerja pengindahan dan penyenggaraan kampung dengan konsep 'Komuniti Taman' yang akan bermula tidak lama lagi.

"Salah satu teras yang dilaksanakan oleh Felda ialah menjadikan komuniti Felda sebagai masyarakat contoh luar bandar. Justeru, semua perkampungan Felda perlu berwajah baru dan menjadi model terbaik," katanya ketika berucap pada sambutan Jubli Emas Hari Peneroka 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut Najib, tanah rancangan Felda perlu diubah dan diberi wajah baru dengan pembinaan rumah kedai yang lebih sempurna, teratur dan indah.

"Kita tak mahu lagi lihat kedai-kedai ala kedai koboi. Kita mesti bina kemudahan lebih selesa dan ceria," katanya.

Menurut Najib, program pengindahan dan keceriaan itu akan memberi tumpuan kepada aspek kebersihan kawasan kampung, sistem pelupusan sampah, penyenggaraan bangunan awam, rumah peneroka yang berwajah baru, pemasangan lampu jalan dan papan tanda, landskap menarik serta penggunaan sepenuhnya kawasan lapang.

Di samping itu, beliau juga mahu semua pihak memastikan kebersihan kawasan kampung, sistem pelupusan sampah dilaksanakan secara berjadual serta mewujudkan pusat pelupusan sampah.

Timbalan Perdana Menteri menambah, program itu merupakan program berterusan kerana Felda mempunyai dana yang boleh digunakan untuk tujuan meningkatkan kebersihan dan keceriaan tanah-tanah rancangannya.

Bagi peneroka-peneroka yang masih mendiami rumah lama pula, menurut Najib, Felda akan memberikan bantuan sebanyak RM10,000 seorang menerusi Tabung Rumah Peneroka Daif bagi membolehkan mereka membaik pulih rumah masing-masing.

Sehingga kini terdapat 3,662 unit rumah masih berkeadaan asal dan perlu diperbaiki.



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan salah seorang juruukur tanah Felda terawal dari New Zealand sempena sambutan Hari Peneroka 2007, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

— Gambar SAIFUL BAHARI ASHAR

Bagi peneroka yang mahu mengubah suai rumah agar lebih cantik, katanya, mereka boleh memohon pinjaman maksimum RM40,000.

Kedua-dua kemudahan itu, kata Timbalan Perdana Menteri, akan mengubah wajah rumah peneroka sekali gus menambah keceriaan perkampungan Felda.

Bagi tujuan itu, tambah beliau, sebuah jawatankuasa induk akan ditubuhkan untuk memantau perjalanan program tersebut dan

ia akan menyediakan laporan berkala kepada beliau berhubung program berkenaan.

"Menerusi program ini saya mahu lihat perubahan yang bermakna akan berlaku pada tanah rancangan Felda," katanya.

Mengenai program latihan kemahiran anak-anak peneroka Felda pula, Najib berkata, kumpulan pertama seramai lima orang anak peneroka akan dipilih mengikuti kursus juruterbang bersama syarikat

penerbangan tambang murah AirAsia.

Menurut beliau, kos bagi mengikuti kursus tersebut berjumlah RM180,000 seorang akan dibiayai sepenuhnya oleh Felda.

Sempena sambutan itu, Felda turut menjemput sekumpulan juruukur tanah dari New Zealand yang merupakan kumpulan pertama melakukan kerja-kerja mengukur tanah bagi membuka tanah rancangan Felda.